

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

STU322 - Pentadbiran Sosial II

Masa: [3 jam]

Pilih EMPAT (4) daripada enam soalan berikut. Semua soalan mempunyai markah yang sama.

1. Berasaskan penulisan Simon Slavin berkenaan "Rangka Teoritikal Bagi Pentadbiran Sosial":
 - (a) Huraikan perhubungan di kalangan pengamal, organisasi dan klien dalam agensi perkhidmatan sosial yang anda lawati, dan
 - (b) Beri tiga cadangan atau syor bagaimana perhubungan-perhubungan ini boleh diperbaiki.
2.
 - (a) Buatlah Rajah Model Perancangan Perenthal.
 - (b) Huraikan perbezaan-perbezaan di antara Fungsi-Fungsi Lembaga dalam agensi perkhidmatan sosial yang anda pernah lawati, dan buat perbandingan dengan yang telah dibentuk oleh Perry dan Rosenthal.
3.
 - (a) Nyatakan sifat-sifat "kebertanggung-jawapan" (accountability attributes) seorang pentadbir sosial.
 - (b) Pilih seorang daripada pengurus atau penyelia agensi yang anda kenali, dan analisislah kemahiran teknikal dan interpersonalnya, setakat mana ia mempunyai kaitan dengan sifat "kebertanggung-jawapan".

...2/-

[STU 322]

4. (a) Apakah kesukaran-kesukaran dalam menilai "keberkesanan" (effectiveness) organisasi rawatan?
(b) Bagaimanakah anda menilai keberkesanan sesebuah agensi perkhidmatan manusia yang anda kenali?

5. (a) Huraikana pengurusan sistem saintifik baru kebajikan sosial.
(b) Kenapa terdapat sesetengah pekerja sosial yang mendapati sukar atau tidak gemar (undesirable) menggunakan teknologi "pengurusan sistem" di dalam agensi kebajikan sosial?

6. (a) Beri gambaran ringkas tiga peringkat pengurusan program.
(b) Jika anda akan melaksanakan program atau projek baru dalam sebuah agensi yang teguh yang anda kenali, bagaimanakah anda akan berbuat demikian? Ambilkira struktur organisasi, perhubungan anda dengan rakan-rakan sejawat anda, dan kualiti kepimpinan yang perlu digunakan.